

# PERBEZAAN KEBERKESANAN KAEDAH PAK-21 DAN TRADISIONAL DALAM PENGAJARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM

(A COMPARISON OF THE EFFECTIVENESS OF 21ST CENTURY LEARNING (PAK-21) AND TRADITIONAL METHODS IN ISLAMIC EDUCATION TEACHING)

ZULKIFLI, M. H.<sup>1\*</sup> – RAMLI, I.<sup>1</sup> – RAMLIE, H. A.<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Faculty Islamic Studies, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.

\*Penulis penghubung

e-mail: muhammad\_hazuman\_dq24[at]iluv.ums.edu.my

(Received 07<sup>th</sup> June 2025; revised 10<sup>th</sup> September 2025; accepted 18<sup>th</sup> September 2025)

**Abstrak.** Kajian ini menganalisis secara komparatif keberkesanan antara kaedah pengajaran tradisional dengan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21) dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di peringkat sekolah rendah. Walaupun kaedah tradisional telah lama menjadi amalan dalam sistem pendidikan, wujud keperluan untuk melaksanakan kaedah PAK-21 yang menekankan kemahiran insaniah (4K 1N) dan penglibatan murid secara aktif. Objektif utama kajian ini adalah untuk menentukan perbezaan keberkesanan antara kedua-dua kaedah tersebut serta menganalisis impaknya terhadap pencapaian akademik dan keterlibatan murid dalam pendidikan Islam. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif, di mana data diperolehi melalui kajian-kajian lepas mengenai keberkesanan PAK-21 dan dianalisis perbezaan antara keduanya. Dapatan kajian menunjukkan bahawa meskipun kaedah tradisional mempunyai kesan untuk menyampaikan kandungan asas, namun kaedah PAK-21 terbukti lebih signifikan dalam meningkatkan interaksi, minat, dan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan murid. Faktor-faktor seperti kesediaan guru, sokongan pentadbir dan kewujudan sumber turut dikenal pasti dapat mempengaruhi keberkesanan sesuatu kaedah. Secara keseluruhannya, kajian ini merumuskan bahawa pendekatan pengajaran yang menggabungkan elemen terbaik dari kedua-dua kaedah adalah ideal bagi memperkasa mutu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Impak kajian ini memberi signifikan terhadap amalan pedagogi guru, reka bentuk kurikulum dan dasar pendidikan khususnya di sekolah rendah.

**Katakunci:** keberkesanan, pembelajaran tradisional, PAK-21, pendidikan Islam

**Abstract.** This study conducts a comparative analysis of the effectiveness between traditional learning methods and 21st Century Learning (PAK-21) approaches in the subject of Islamic Education at the primary school level. While traditional methods have long been practiced within the education system, there is a growing need to implement PAK-21 strategies that emphasize soft skills (4K 1N) and active student engagement. The main objective of this study is to determine the differences in effectiveness between the two methods and to analyze their impact on students' academic achievement and engagement in Islamic Education. This study adopts a qualitative research design, where data were obtained through previous studies on the effectiveness of PAK-21 and analyzed to identify the differences between the two approaches. The findings indicate that although traditional methods are effective in delivering basic content, PAK-21 methods have proven to be more significant in enhancing interaction, interest, and higher-order thinking skills among students. Factors such as teacher readiness, administrative support, and the availability of resources were also identified as influencing the effectiveness of a teaching method. Overall, the study concludes that a teaching approach that integrates the best elements of both methods is ideal for enhancing the quality of teaching and learning in Islamic Education. The impact of this study is significant for pedagogical practices, curriculum design, and educational policy, particularly at the primary school level.

**Keywords:** effectiveness, traditional learning, 21st century learning, Islamic education

## **Pengenalan**

Pendidikan merupakan elemen yang amat penting bagi setiap manusia. Manusia mula menerima pendidikan sejak sekolah rendah lagi dan hingga ke universiti. Di Malaysia, pendidikan merupakan suatu perkara wajib kepada setiap warganegara. Ibu bapa wajib menghantar anak-anak mereka ke sekolah bagi mendapatkan pendidikan. Di sekolah murid diajar dengan pelbagai ilmu yang berteraskan kepada falsafah pendidikan kebangsaan iaitu jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial JERIS. Pembelajaran berasaskan falsafah ini adalah untuk membentuk manusia menjadi seorang yang cemerlang dan dapat berdaya saing dalam pelbagai bidang. Selain itu, kecemerlangan dalam aspek kerohanian juga ditekankan bagi melahirkan generasi yang berakhlak mulia. Enam aspirasi yang telah digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 bagi murid untuk menghadapi cabaran arus globalisasi ialah pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian; dan identiti nasional. Perkara ini penting bagi memastikan murid mempunyai semangat ingin tahu yang tinggi dan juga mampu mewujudkan pengetahuan baharu dalam pelbagai bidang berasaskan ilmu pengetahuan. Justeru generasi yang berkualiti dapat dilahirkan dengan adanya sistem pendidikan yang lebih sistematik dan dinamik seiring dengan keperluan abad ke-21 (Osman, 2023).

Bagi merealisasikan generasi berakhlak mulia, mata pelajaran pendidikan Islam telah diajar di sekolah. Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran yang mengajar dan membentuk murid-murid untuk menjadi insan yang berakhlak tinggi. Kurikulum pendidikan Islam sekolah rendah digubal berpandukan kepada dokumen standard kurikulum dan pentaksiran. Guru pendidikan Islam (GPI) yang dilantik oleh Kementerian Pendidikan Malaysia perlu merujuk DSKP dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) di sekolah. Rujukan adalah untuk memudahkan GPI membuat rancangan terhadap pelaksanaan PdPc dalam bilik darjah. Rancangan PdPc yang menarik menjadi salah satu faktor dalam membina minat murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam (Hamzah dan Hamzah, 2021). Pembelajaran tradisional yang telah diamalkan sejak dahulu lagi turut membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Walaupun peredaran zaman berlaku, sistem ini tidak dianggap ketinggalan kerana terdapat sumbangannya dalam memartabatkan proses sistem pendidikan. Justeru, dalam kajian ini terdapat dua objektif iaitu (1) membuat perbandingan keberkesanan pembelajaran tradisional dengan PAK-21 dalam pengajaran guru pendidikan Islam; (2) menganalisis keberkesanan pencapaian murid terhadap proses pembelajaran tradisional dan PAK-21.

## ***Pembelajaran Tradisional***

Pembelajaran tradisional terhadap pendidikan Islam merujuk kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan sejak daripada zaman awal Islam. Ia mula berkembang melalui institusi pengajian seperti masjid, pondok dan madrasah. Pendekatan kaedah ini secara asasnya berpandukan kepada pengajaran berpusatkan guru, di mana guru bertindak sebagai sumber utama pengantara ilmu (Saifuddin, 2023). Antara ciri yang terdapat dalam kaedah ini ialah syarahan oleh seorang guru yang mana guru akan membacakan atau menjelaskan teks-teks yang terkandung dalam kitab, manakala murid mendengar dan mencatat apa yang disampaikan. Penekanan diberikan kepada penguasaan ilmu naqli iaitu ilmu yang bersumberkan al-Quran dan Hadis melalui hafalan, pengulangan, dan pemahaman teks asal yang terkandung dalam kitab.

Disiplin ilmu seperti bidang Fiqh, Tafsir, Hadis dan Tasawuf diajar secara berstruktur dan berperingkat mengikut kesesuaian tahap pemahaman murid. Pembelajaran tradisional masih terbukti relevan, terutama dalam memastikan penguasaan ilmu fardu ain, yaitu ilmu-ilmu dasar yang wajib diketahui oleh setiap Muslim. Melalui metode hafalan dan pengulangan, siswa dapat menguasai ayat-ayat suci al-Quran, rukun Islam, rukun iman, serta ilmu-ilmu terkait. Pendekatan ini memberikan dasar yang kuat dalam ilmu agama sebelum siswa melanjutkan ke tingkat yang lebih tinggi. Selain itu, metode ceramah (syarahan) memungkinkan guru untuk menyampaikan ilmu dengan rinci dan jelas, memastikan pemahaman yang tepat tanpa kebingungan (Awi dan Zulkifli, 2021). Proses pengajaran ini juga menekankan adab menuntut ilmu, di mana siswa diajarkan untuk menghormati guru, berdisiplin, dan menunjukkan kesungguhan dalam belajar, yang merupakan nilai penting dalam Islam.

Dalam pendekatan pembelajaran ini, guru memegang peranan utama sebagai murabbi dan mursyid yang bukan sekadar menyampaikan ilmu pengetahuan, malah turut mendidik akhlak serta membimbing perkembangan rohani dan adab pelajar. Guru dianggap sebagai sosok berotoriti yang menjadi rujukan ilmu serta dihormati oleh para murid. Sebaliknya, murid berperanan sebagai penerima pengetahuan secara pasif dengan tanggungjawab mendengar, mencatat, menghafal, serta mengulangi isi pengajaran guru. Interaksi dalam bilik darjah lazimnya terhad kepada sesi soal jawab ringkas bagi menilai tahap pemahaman, dan tidak berbentuk perbincangan terbuka. Walaupun pendekatan ini berpusatkan guru, hubungan erat antara guru dan murid tetap dikekalkan, khususnya dalam konteks institusi pendidikan pondok di mana murid sering menetap bersama guru untuk menimba ilmu dan mempelajari adab menuntut ilmu.

### ***Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21)***

Abad ke-21 ialah suatu tempoh masa milinium yang bermula dari 1 Januari 2000 hingga 31 Disember 2099. Pertumbuhan dan perkembangan yang sangat besar di alaf baru dan saingan dalam dunia pendidikan telah memaksa Malaysia untuk berdaya saing dengan negara maju yang lain. Bagi merealisasikan modenisasi pendidikan, pelbagai perubahan telah dirancang dan dilaksanakan. Perkara ini bermula dari zaman pendidikan Inggeris hingga kepada Era Teknologi 4.0 di mana ia membawa elemen kreativiti terhadap pelbagai bidang. Sehubungan dengan itu juga, seiring dengan pembangunan KPM telah melaksanakan pendidikan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) yang bermula semenjak dari tahun 2014. Apabila isu kualiti pendidikan menjadi satu isu yang global, negara optimis iaitu mengharapkan hasil terbaik dan cenderung untuk mengambil pelbagai langkah dan demi memastikan kualiti pembelajaran negara menjamin masa depan generasi yang akan datang. Oleh itu, pembentukan kurikulum dan pendekatan kokurikulum banyak difokuskan dengan konsep kerohanian, emosi, motivasi, intelek dan daya usaha fizikal yang mampu dicapai.

Perkembangan proses pendidikan pada masa dulu amat berbeza dengan masa kini. Pendidikan pada masa kini mengalami transformasi yang besar di mana perlunya pada pendekatan yang dapat bersaing di peringkat global. Pendekatan ini dapat menghasilkan kemenjadian murid yang berdaya saing. Sehubungan itu, transformasi yang berlaku apabila dunia pendidikan mula berfokus kepada PAK-21. Tumpuan ini menjadikan guru dan murid perlu menghadapi dengan pelbagai perubahan dalam PdPc. Pada tahun 2014, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengarahkan semua sekolah di bawahnya untuk melaksanakan PAK-21. Hal ini sebagai salah satu usaha KPM untuk meningkatkan prestasi sekolah dan murid supaya dapat bersaing secara global.

Sehubungan itu, transformasi pendidikan sentiasa dikaitkan dengan meluasnya pengaruh globalisasi (Voogt et al., 2013). Voogt et al. (2013) merupakan pakar dalam bidang pendidikan bersetuju bahawa kurikulum perlu ditransformasikan agar menjadi signifikan seiring dengan tuntutan kemahiran PAK-21. Rentetan situasi tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) turut melaksanakan kajian semula terhadap sistem pendidikan negara dalam konteks standard pendidikan antarabangsa dan akhirnya, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dibangunkan bagi merealisasikan tuntutan tersebut.

### ***Kajian literatur***

Asasnya, kajian mengenai PAK-21 telah banyak dilakukan. Elemen-elemen dalam PAK-21 terhadap pendidikan Islam juga difokuskan dalam kajian lepas. Penyelidikan lepas menjalankan kajian tahap dan sikap tingkah laku guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think dalam PAK-21. Fokus kajian kepada GPI di sekolah-sekolah menengah di Terengganu dengan menggunakan borang soal selidik yang melibatkan 103 orang responden. Hasil dapatan daripada kajian ini menunjukkan sikap dan tingkah laku GPI dalam melaksanakan peta pemikiran i-Think berada pada tahap tinggi dengan nilai purata skor min 7.29. Seterusnya, menganalisis kajian-kajian lepas mengenai kreativiti GPI dalam PAK-21. Hasil dapatan menyatakan GPI perlu berusaha menambah kepakaran dalam kreativiti bagi menghasilkan PdPc yang berkesan. Selepas itu, ada kajian pula mengkaji mengenai kaedah interaktif dalam PAK-21 terhadap guru-guru pendidikan Islam di lapan buah sekolah menengah daerah Kota Kinabalu, Sabah. Kajian ini bertujuan melihat kaedah interaktif dan cabaran pelaksanaannya dalam mata pelajaran pendidikan Islam. Persampelan melibatkan para GPI, ibu bapa dan pelajar-murid Islam. Hasil kajian ini mendapati kaedah interaktif amat diperlukan dalam pembelajaran mata pelajaran pendidikan Islam.

Jusof dan Hamzah (2020) mengkaji mengenai metode perubahan pembelajaran terkini yang sesuai dengan perubahan teknologi yang terkandung dalam PAK-21. Kajian ini memfokuskan kepada mata pelajaran pendidikan Islam. Hasil kajian ini mendapati implementasi teknologi dapat membantu dalam meningkatkan pencapaian pembelajaran pendidikan Islam. Kemudian ada pengkaji yang mengkaji mengenai penerapan nilai murni dan etika dalam PAK-21 terhadap mata pelajaran pendidikan Islam. Kajian ini bertujuan melihat perspektif GPI terhadap elemen nilai murni dan etika yang diterapkan dalam mata pelajaran pendidikan Islam. Kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini dengan menemu bual empat orang GPI. Hasil kajian mendapati penerapan nilai murni dan etika dalam pendidikan Islam amat penting terhadap mata pelajaran pendidikan Islam. Selain itu, Kajian lepas dalam mengkaji mengenai kreativiti dalam PAK-21 terhadap guru pendidikan Islam. Kajian difokuskan kepada guru pendidikan Islam daerah Beluran, Sabah. Seramai 80 responden yang terlibat dalam kajian ini. Hasil mendapati pengetahuan guru pendidikan Islam di daerah Beluran berada pada tahap tinggi dengan nilai skor min 4.

Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam PAK-21 turut menjadi perbincangan dalam kajian-kajian lepas. Ada kajian melakukan kajian terhadap guru sekolah rendah yang mengaplikasikan KBAT. Seramai 400 orang responden yang terdiri daripada GPI negeri perak telah dipilih secara rawak. Hasil kajian mendapati pelaksanaan KBAT dikalangan guru-guru pendidikan Islam adalah tinggi dengan skor min 4.43. Seterusnya, ada kajian yang melakukan kajian terhadap pedagogi hikmah dan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pendidikan Islam. Kajian ini

menggunakan kaedah pemerhatian terhadap 29 orang murid tahun 5. Hasil mendapati murid yang terlibat dalam pedagogi hikmah menunjukkan kemahiran berfikir aras tinggi yang positif dalam menaakul pembelajaran dalam dan luar bilik darjah. Selain itu, kajian yang menjalankan mengenai keberkesanan pelaksanaan pengajaran guru pendidikan Islam yang mengintegrasikan PAK-21. Kajian dilaksanakan terhadap guru pendidikan Islam sekolah rendah di negeri Sabah. Penglibatan seramai 382 orang responden yang dipilih secara rawak. Hasil kajian mendapati pelaksanaan pengajaran berdasarkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) adalah berada pada tahap sederhana tinggi menerusi min bagi keseluruhan (3.71).

Kajian yang dilakukan berkenaan keperluan penilaian pelaksanaan mata pelajaran maharat al-Quran di Sekolah Menengah Tahfiz Model Ulul Albab, dinyatakan bahawa penilaian tersebut perlu diselaraskan dengan perubahan dalam sistem pendidikan KPM untuk merealisasikan misi integrasi ilmu yang menyeluruh. Kajian tersebut juga menunjukkan bahawa penggunaan alat bantu mengajar mempunyai pengaruh tinggi terhadap keberkesanan PdPc. Salah satu cadangan yang disarankan dalam kajian ini adalah untuk melaksanakan penilaian terhadap mata pelajaran elektif dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi tujuan penambahbaikan. Dengan itu, mata pelajaran Pendidikan Islam juga mengalami perubahan untuk meningkatkan keberkesanan PAK-21 (Al-Rahmi et al, 2022). Ada juga kajian yang mengkaji mengenai perspektif guru pendidikan Islam terhadap pelaksanaan PAK-21. Kajian ini melibatkan 370 guru pendidikan Islam sekolah menengah yang menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Hasil kajian mendapati guru-guru pendidikan Islam masih berada dalam paradigma lama dalam semua komponen. Hal ini termasuk kebergantungan kepada bahan tradisional seperti buku teks dan papan tulis, mengamalkan kaedah berpusatkan guru, kurang kompeten dalam pembinaan soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS), sukatan pelajaran yang membebankan kerana terlalu banyak topik, serta perubahan kerap dasar pendidikan yang menyebabkan masalah penguasaan murid.

### **Instrumen dan Metod Kajian**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif, kaedah analisis kandungan digunakan bagi mendapatkan hasil kajian yang tepat. Analisis terhadap kajian-kajian lepas terhadap keberkesanan pembelajaran tradisional dan PAK-21 yang menjadi objektif kajian ini. Analisis perbandingan dilakukan bagi mendapat jawapan mengenai keberkesanan kedua-dua kaedah ini. Menurutnya, kaedah kualitatif merangkumi kajian keberkesanan yang mengkaji keberkesanan sesuatu kaedah menggunakan analisis perbandingan dalam suatu konsep. Oleh itu, kajian ini membuat analisis perbandingan antara kaedah pembelajaran tradisional dengan PAK-21.

### **Dapatan dan Perbincangan Kajian**

Kajian ini mendapati bahawa terdapat perbezaan yang ketara dalam keberkesanan antara kaedah Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) dan kaedah tradisional dalam pengajaran Pendidikan Islam. Berdasarkan analisis data yang diperolehi daripada kajian-kajian lepas dalam menentukan keberkesanan kedua kaedah ini.

### ***Keberkesanan PAK-21***

Kaedah Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21) telah menjadi pendekatan yang semakin popular dalam dunia pendidikan, termasuk dalam pengajaran subjek Pendidikan Islam. Salah satu keberkesanan utama kaedah ini ialah peningkatan penglibatan murid dalam proses pembelajaran. Murid tidak lagi menjadi pendengar pasif, sebaliknya mereka terlibat secara aktif dalam pelbagai aktiviti seperti kerja kumpulan, pembentangan, simulasi, dan penggunaan teknologi digital. Aktiviti-aktiviti ini memberi ruang kepada murid untuk berkomunikasi, bekerjasama dan menyelesaikan masalah secara kolektif. Dalam konteks Pendidikan Islam, contohnya, murid boleh berbincang tentang isu-isu semasa berkaitan akhlak, membuat lakonan berkaitan adab dalam kehidupan seharian, atau menghasilkan video pendek berkaitan nilai-nilai murni. Penglibatan aktif ini bukan sahaja menjadikan suasana pembelajaran lebih menarik, tetapi juga membantu murid membina keyakinan diri dan kemahiran sosial yang penting (Al-Rahmi et al., 2022).

Pendekatan interaktif yang menjadi teras kepada kaedah PAK-21 turut menyumbang kepada peningkatan pemahaman murid terhadap konsep-konsep Islam. Berbanding kaedah tradisional yang lebih berfokus kepada hafalan dan pengulangan fakta, kaedah PAK-21 membolehkan murid meneroka konsep secara lebih mendalam dan kontekstual. Penggunaan bahan bantu mengajar seperti video, infografik, aplikasi interaktif dan permainan pendidikan menjadikan proses pembelajaran lebih visual dan mudah difahami. Sebagai contoh, dalam topik berkaitan ibadah, murid bukan sahaja mempelajari rukun dan syarat, tetapi juga dapat melihat demonstrasi pelaksanaan ibadah melalui simulasi atau rakaman video. Ini membantu murid mengaitkan ilmu yang dipelajari dengan amalan sebenar dalam kehidupan mereka. Pendekatan ini juga memberi peluang kepada murid untuk bertanya, berdiskusi dan menyuarakan pandangan mereka, sekaligus memperkukuh kefahaman dan penghayatan terhadap ajaran Islam (Moharam et al., 2021). Selain itu, aspek penting dalam keberkesanan kaedah PAK-21 ialah pembangunan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kalangan pelajar. Kaedah ini menekankan aktiviti yang mendorong murid untuk berfikir secara kritis, kreatif dan analitis. Dalam pengajaran Pendidikan Islam, guru boleh menggalakkan murid untuk menilai isu-isu semasa dari perspektif Islam, membandingkan pandangan ulama, atau menghasilkan projek yang menunjukkan pemahaman mereka terhadap konsep keadilan, kasih sayang, dan tanggungjawab. Aktiviti seperti debat, kajian kes, dan penyelesaian masalah memberi ruang kepada murid untuk mengembangkan pemikiran yang lebih mendalam dan reflektif. KBAT yang diterapkan melalui kaedah PAK-21 menjadikan murid lebih bersedia menghadapi cabaran dunia sebenar, serta mampu membuat keputusan yang berlandaskan nilai-nilai Islam.

Motivasi murid juga menunjukkan peningkatan yang ketara apabila kaedah PAK-21 digunakan dalam pengajaran. Pembelajaran yang menyeronokkan, fleksibel dan relevan dengan kehidupan mereka menjadikan murid lebih berminat untuk hadir ke kelas dan terlibat secara aktif. Guru yang menggunakan pendekatan ini berperanan sebagai fasilitator yang membimbing murid secara individu dan berkumpulan, berbanding hanya menyampaikan maklumat secara sehalu. Murid merasa dihargai apabila pendapat mereka didengari dan apabila mereka diberi peluang untuk meneroka ilmu mengikut gaya pembelajaran masing-masing. Motivasi yang tinggi ini penting kerana ia berkait rapat dengan pencapaian akademik dan perkembangan sahsiah pelajar. Dalam Pendidikan Islam, motivasi yang tinggi boleh mendorong murid untuk lebih menghayati nilai-nilai murni dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian (Aziz et al., 2023).

Tambahan pula, kaedah PAK-21 turut menyokong pembelajaran yang bersifat inklusif dan mesra pelajar. Murid yang mempunyai pelbagai latar belakang dan tahap kebolehan dapat belajar dalam suasana yang menyokong dan tidak menekan. Kaedah ini memberi ruang kepada murid untuk belajar mengikut kadar dan gaya masing-masing, sama ada secara visual, auditori, kinestetik atau gabungan ketiga-tiganya. Dalam kelas Pendidikan Islam, guru boleh menggunakan pelbagai pendekatan seperti lakonan, nyanyian nasyid, permainan interaktif atau pembelajaran berasaskan projek untuk memenuhi keperluan murid yang berbeza. Ini menjadikan pembelajaran lebih adil dan berkesan, serta membantu murid yang sebelum ini kurang menonjol untuk menunjukkan potensi sebenar mereka (Al-Rahmi et al., 2022).

Secara keseluruhannya, keberkesanan kaedah PAK-21 dalam pengajaran Pendidikan Islam amat jelas dan signifikan. Ia bukan sahaja meningkatkan penglibatan dan motivasi pelajar, tetapi juga memperkukuh pemahaman konsep dan pembangunan KBAT. Kaedah ini menjadikan proses pembelajaran lebih menyeronokkan, relevan dan bermakna, serta membantu membentuk murid yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, tetapi juga mempunyai sahsiah yang baik dan mampu menyumbang kepada masyarakat. Dalam era pendidikan moden yang menuntut murid menjadi lebih berdikari, kreatif dan berfikiran terbuka, kaedah PAK-21 dilihat sebagai pendekatan yang sesuai dan berkesan untuk mendidik generasi masa depan yang berilmu dan berakhlak mulia (*Rajah 1*).



*Rajah 1. Keberkesanan PAK-21.*

### ***Pembelajaran tradisional***


Kaedah tradisional dalam pengajaran Pendidikan Islam telah lama menjadi pendekatan utama di sekolah-sekolah, terutamanya sebelum kemunculan kaedah pembelajaran moden seperti PAK-21. Kaedah ini lazimnya berpusatkan guru, di mana guru menjadi sumber utama ilmu dan murid bertindak sebagai penerima pasif. Dalam situasi ini, murid cenderung untuk hanya mendengar syarahan guru dan mencatat nota tanpa banyak interaksi atau penglibatan aktif. Walaupun pendekatan ini membolehkan penyampaian maklumat berlaku secara sistematik dan tersusun, ia sering kali menyebabkan murid kurang terlibat secara emosi dan intelektual dalam proses pembelajaran. Akibatnya, suasana kelas menjadi kurang dinamik dan murid tidak berpeluang untuk menyuarakan pendapat atau bertanya soalan secara terbuka, di samping berpotensi untuk menimbulkan masalah kefahaman terutama bagi topik yang

memerlukan penghayatan mendalam. Kelemahan utama kaedah tradisional ialah penekanan yang terlalu tinggi terhadap hafalan berbanding pemahaman dan aplikasi konsep. Dalam pengajaran Pendidikan Islam, murid sering diminta untuk menghafal definisi, ayat al-Quran, hadis, dan fakta-fakta berkaitan hukum-hakam tanpa diberi peluang untuk memahami konteks atau mengaitkan ilmu tersebut dengan kehidupan seharian (Zahari et al., 2021). Sebagai contoh, murid mungkin tahu rukun solat secara teori, tetapi tidak memahami kepentingan solat dalam membentuk disiplin dan hubungan dengan Allah. Pendekatan ini boleh menyebabkan murid melihat Pendidikan Islam sebagai subjek yang membosankan dan tidak relevan, sedangkan matlamat utama subjek ini adalah untuk membentuk akhlak dan sahsiah murid secara menyeluruh.

Dalam kelas yang menggunakan kaedah tradisional, murid hanya diminta untuk menjawab soalan-soalan asas yang berbentuk fakta dan tidak digalakkan untuk berfikir secara kritis atau kreatif. Ini menyebabkan murid tidak terlatih untuk menganalisis isu, membuat penilaian, atau mencipta penyelesaian kepada masalah yang berkaitan dengan kehidupan dan nilai-nilai Islam. Dalam dunia yang semakin kompleks dan mencabar, murid perlu dilatih untuk berfikir secara mendalam dan reflektif agar mereka dapat menjadi individu yang bijak membuat keputusan dan mampu menyumbang secara positif kepada masyarakat. Kekurangan KBAT dalam kaedah tradisional menjadikan murid kurang bersedia untuk menghadapi cabaran dunia sebenar. Motivasi murid juga sering terjejas apabila kaedah tradisional digunakan secara berterusan. Pengajaran yang terlalu berpusatkan guru dan bersifat satu hala menyebabkan murid berasa bosan dan tidak terlibat secara aktif dalam pembelajaran. Mereka mungkin hadir ke kelas hanya kerana kewajipan, bukan kerana minat atau keinginan untuk belajar. Dalam konteks Pendidikan Islam, ini amat membimbangkan kerana subjek ini sepatutnya menjadi medium untuk membina kecintaan terhadap agama dan nilai-nilai murni. Apabila murid tidak berminat, mereka cenderung untuk tidak menghayati apa yang dipelajari dan tidak mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Guru yang menggunakan kaedah tradisional juga mungkin kurang memberi perhatian kepada keperluan individu pelajar, menyebabkan murid yang lemah atau kurang menonjol terus ketinggalan.

Namun begitu, kaedah tradisional masih mempunyai kelebihan tertentu yang tidak boleh dikesampingkan. Ia sesuai digunakan dalam situasi tertentu seperti pengajaran topik yang memerlukan penjelasan mendalam dan sistematik, atau apabila murid memerlukan bimbingan langsung daripada guru. Kaedah ini juga boleh menjadi asas yang kukuh untuk membina disiplin dan struktur dalam pembelajaran, terutamanya bagi murid yang baru mula mengenali asas-asas Pendidikan Islam. Walau bagaimanapun, keberkesanan kaedah ini bergantung kepada cara guru menyampaikannya. Jika guru berjaya menjadikan pengajaran lebih menarik dan interaktif walaupun menggunakan pendekatan tradisional, murid masih boleh mendapat manfaat yang besar. Oleh itu, guru perlu bijak menggabungkan elemen-elemen moden dalam kaedah tradisional agar pembelajaran menjadi lebih berkesan. Secara keseluruhannya, walaupun kaedah tradisional mempunyai sejarah yang panjang dan masih relevan dalam konteks tertentu, ia mempunyai beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian. Penglibatan murid yang rendah, penekanan terhadap hafalan, kekurangan KBAT dan motivasi yang merosot merupakan antara isu utama yang menjejaskan keberkesanan kaedah ini dalam pengajaran Pendidikan Islam. Dalam era pendidikan yang semakin menuntut pendekatan yang fleksibel, inklusif dan berpusatkan pelajar, kaedah tradisional perlu ditambah baik atau digabungkan dengan pendekatan moden seperti PAK-21. Dengan cara ini, guru dapat memastikan bahawa pengajaran Pendidikan Islam bukan sahaja

menyampaikan ilmu, tetapi juga membentuk murid yang berakhlak, berfikiran kritis dan mampu mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan mereka (*Rajah 2*).



*Rajah 2. Keberkesanan pembelajaran tradisional.*

### ***Perbandingan keseluruhan***

PPPM 2013-2025 adalah implikasi daripada hasil penglibatan masyarakat dan penyelidikan meluas yang dijalankan oleh KPM. Ia dibangunkan berdasarkan kepada tiga objektif khusus, iaitu memahami prestasi dan cabaran semasa, mewujudkan visi dan aspirasi yang jelas dan menggariskan transformasi sistem pendidikan yang komprehensif merangkumi perubahan penting dalam kementerian. Langkah-langkah yang dikenal pasti bagi mencapai matlamat tersebut ialah melalui pembudayaan bilik darjah abad ke-21. Signifikan bagi langkah tersebut dalam perubahan kurikulum dan peranan bilik darjah bagi menjamin penyampaian kemahiran dalam kalangan murid. Kajian terdahulu menyatakan bahawa kemahiran-kemahiran PAK-21 perlu digabungkan dengan kurikulum dan amalan pengajaran guru di sekolah agar dapat diterapkan dalam diri anak-anak murid di sekolah. Perkara ini menjadikan guru sebagai tonggak utama dalam menggerakkan transformasi sekolah dan perlu melaksanakan konsep PAK-21 dalam PdPc. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang dilancarkan pada 6 September 2013 telah memperkasakan sistem pendidikan negara sekaligus merealisasikan hasrat untuk meningkatkan status pendidikan negara di mata dunia agar menjadi negara yang berdaya saing diperingkat global.

PAK-21 adalah satu dimensi baru yang diperkenalkan dalam dunia Pendidikan. Hubungan antara PAK-21 dengan sistem pendidikan sangat berkait rapat kerana ia mempunyai sifat yang dinamik. Ini kerana sistem pendidikan sentiasa terdedah dengan perubahan dan penambahbaikan kearah yang lebih positif. Kesan yang jelas dapat dilihat melalui perubahan kaedah, cara dan pendekatan pengajaran yang perlu diambil oleh guru-guru. Perkara ini disebabkan dorongan oleh kedinamikan situasi pada masa kini yang telah mengubah cara pembelajaran dan kesannya terhadap kaedah pembelajaran murid. Hal ini memberi pengaruh yang besar kepada pelaksanaan kurikulum di mana ia merupakan dasar yang disediakan bagi membimbing proses kemenjadian murid. Walau bagaimanapun, pembelajaran tradisional menghadapi beberapa cabaran besar dalam konteks pendidikan kontemporari. Salah satu kelemahan utamanya adalah kekurangan penekanan terhadap kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) seperti menganalisis, sintesis dan berfikir secara kritis. Memandangkan kaedah

ini lebih bersandarkan hafalan, implikasinya memungkinkan murid tidak dilatih untuk menyelesaikan masalah yang kompleks atau mengaplikasikan ilmu dalam situasi baharu mengikut perkembangan semasa. Selain itu, pembelajaran tradisional juga kurang menggunakan teknologi dan cenderung terikat dengan bahan-bahan rujukan yang bersifat konvensional. Kekurangan interaksi aktif dan kolaborasi dalam kalangan murid juga boleh menjadikan suasana pembelajaran kurang menarik, terutamanya bagi generasi muda yang lebih terdedah kepada pelbagai rangsangan digital.

Walaupun terdapat pelbagai cabaran, pendekatan pembelajaran tradisional tidak wajar diketepikan sepenuhnya. Kaedah ini masih relevan sebagai asas pembinaan ilmu yang mantap, khususnya dalam konteks pendidikan Islam. Penguasaan ilmu fardu ain dan asas-asas agama merupakan prasyarat penting sebelum murid dapat melangkah ke tahap pemikiran yang lebih kompleks. Oleh itu, pendekatan tradisional boleh digabungkan secara strategik dengan kaedah kontemporari bagi mencapai keseimbangan yang optimum. Contohnya, penguasaan hafalan al-Quran boleh diperkukuh melalui kaedah tradisional, manakala pemahaman mendalam terhadap ilmu Tafsir dan Fiqh boleh diperkembangkan melalui pendekatan inovatif seperti perbincangan berasaskan inkuiri, projek kolaboratif, serta penggunaan teknologi pendidikan. Gabungan ini membolehkan kekuatan kedua-dua pendekatan dimanfaatkan secara holistik. Tuntasnya, pembelajaran tradisional dalam pendidikan Islam mempunyai kekuatan yang tersendiri, terutamanya dalam aspek pembinaan asas ilmu, disiplin dan adab. Namun, untuk kekal relevan dalam abad ke-21, ia tidak boleh berdiri secara berasingan. Gabungan strategik dengan elemen-elemen Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) adalah kunci untuk menghasilkan seorang murid yang menguasai pendidikan Islam yang holistik. Dengan menggabungkan kedua-dua pendekatan, guru-guru Pendidikan Islam dapat memastikan murid bukan sahaja menguasai ilmu agama secara mendalam, tetapi juga dilengkapi dengan kemahiran insaniah, berfikiran kritis, dan mampu mengaplikasikan nilai-nilai Islam secara berkesan dalam kehidupan seharian. Ini akan melahirkan generasi Muslim yang berilmu, berakhlak, dan berdaya saing di peringkat global (*Jadual 1*).

*Jadual 1. Perbandingan keberkesanan PAK-21 dan tradisional.*

Aspek	Kaedah PAK-21	Kaedah tradisional
Penglibatan Pelajar	Tinggi	Rendah
Pemahaman Konsep	Mendalam dan kontekstual	Bersifat hafalan
KBAT	Ditekankan	Kurang diberi perhatian
Motivasi Pelajar	Tinggi	Rendah

## Kesimpulan

Kesimpulan daripada hasil kajian membuktikan bahawa pembelajaran tradisional dengan PAK-21 mempunyai perbezaan. Pembelajaran tradisional yang menjadi asas kepada sistem pendidikan dilihat masih lagi relevan untuk diaplikasi. Walaupun asasnya masih menggunakan kaedah pemusatan guru, pembelajaran tradisional mempunyai signifikan untuk murid mengingati ilmu serta membina adab dengan guru. PAK-21 walaupun mempunyai elemen-elemen yang membantu murid dalam menyelesaikan masalah dan mencari ilmu secara sendiri namun terdapat beberapa kelemahan. Kelemahan ini adalah murid akan terlalu obses mencari maklumat tanpa batasan dan tiada pemantauan daripada guru. Seterusnya murid akan merasa diri mereka lebih

pandai daripada guru dan implikasinya menyebabkan hilang hormat murid kepada guru. Perkara ini merujuk kepada pencarian maklumat daripada bahan-bahan atas talian. Kajian mengenai pembelajaran tradisional dan PAK-21 ini masih mempunyai potensi untuk dikaji lagi lebih mendalam. Kajian secara empirikal dapat dilakukan terhadap lokasi atau institusi. Keberkesanan pencapaian murid boleh difokuskan terhadap tahap murid dalam peringkat sekolah rendah. Selain itu, kajian ini boleh dilaksanakan terhadap guru-guru yang mengamalkan pembelajaran tradisional tapi menunjukkan impak yang besar kepada pencapaian murid. Justeru, kajian mengenai kedua-dua kaedah ini dilihat masih relevan dalam sistem pendidikan terutamanya di Malaysia.

### **Penghargaan**

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah atas sokongan teknikal.

### **Konflik Kepentingan**

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

### **RUJUKAN**

- [1] Al-Rahmi, A.M., Shamsuddin, A., Wahab, E., Al-Rahmi, W.M., Alismaiel, O. A., Crawford, J. (2022). Social media usage and acceptance in higher education: A structural equation model. – *Frontier Education* 7(2022): 1-14.
- [2] Awi, N.A.L., Zulkifli, H. (2021): Amalan Kreativiti Guru Pendidikan Islam Dalam Pembelajaran Abad Ke-21. – *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* 4(1): 40-54.
- [3] Aziz, A.A., Mazli, N.M., Omar, N.A., Rahman, M.J.A. (2023): Pendekatan Pembelajaran Berbalik Dalam Pendidikan Abad Ke-21. – *International Journal Of Educational Research On Andragogy And Pedagogy* 2(1): 99-111.
- [4] Hamzah, S.K., Hamzah, M.I. (2021): Penerapan Elemen Nilai Murni Dan Etika Dalam Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah. – *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education* 1(4): 16-31.
- [5] Jusof, N., Hamzah, M.I. (2020): Kemahiran Guru Pendidikan Islam Di Sekolah Rendah Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Berpusatkan Murid: Satu Analisa. – *International Journal of Education and Pedagogy* 2(3): 1-26.
- [6] Moharam, M.M.A., Mokhtar, S., Thia, K. (2021): Pendekatan Kaedah Interaktif Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Abad Ke-21 Di Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Kinabalu. – *5th International Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD)* 10p.
- [7] Osman, S.F. (2023): Faktor Bahan Bantu Mengajar yang Menyokong Pengamalan Pemikiran Kritis Guru Pendidikan Islam dalam Meningkatkan Kemahiran Pembelajaran Abad Ke-21. – *Sains Insani* 8(1): 51-57.
- [8] Saifuddin, M.A. (2023): Pendidikan Islam Tradisional dan Relevansinya dalam Kurikulum Kontemporari. – *Jurnal Pendidikan Islam* 10(2): 45-58.
- [9] Voogt, J., Erstad, O., Dede, C., Mishra, P. (2013): Challenges to Learning and Schooling in the Digital Networked World of the 21st Century. – *Journal of Computer Assisted Learning* 29(5): 403-413.

- [10] Zahari, N.H.A., Bidin, S.N.B.S., Syamsuddin, S.N.W. (2021). Kepentingan Pengajaran dan Pemudahcaraan Berbantuan Permainan Digital bagi Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah. – RABBANICA 2(2): 19-28.